

CNS6143

RGB 11-12 00177 BA876

bah

KERAJAANAKANATASIMASALAH PENGILANG BERAS CINA KEDAH

Mahathir - Pengilang

ALOR SETAR, 11 Dis (Bernama) -- Kerajaan akan mengatasi masalah pengilang-pengilang beras Cina di Kedah, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid akan mengadakan perjumpaan dengan pengilang-pengilang itu esok bagi membincangkan masalah mereka.

+Kita boleh mengatasi masalah ini. Masalah yang lebih besar daripada ini pun kita boleh atasi, katanya kepada pemberita selepas berjumpa beberapa pemimpin persatuan pengilang beras Cina di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini hari ini.

Mereka terdiri daripada Pengerusi Persatuan Pengilang-Pengilang Beras Cina Kedah/Perlis, Encik Saw Kok Oon, juru audit persatuan itu, Encik Ooi Ah Piau dan Setiausaha Persatuan Kilang Beras Cina-Melayu Kedah, Encik Chew Giok Kun. Mereka diiringi Pengerusi Perhubungan MCA Kedah, Datuk William Chek.

Menurut persatuan itu, ramai pengilang beras bukan Bumiputera di Kedah mungkin terpaksa gulung tikar kerana menghadapi masalah mendapatkan padi apabila pengeluaran padi di Kedah kurang daripada kemampuan mereka mengilang padi.-- lagi

▼11/12/21-21MST

CNS6147

RGB 11-12 00226 BA878

bah

Mahathir - Pengilang 2 (Akhir) Alor Setar

Mereka juga menghadapi masalah disebabkan kilang bukan Bumiputera tidak dibenarkan menyertai skim pusat belian padi LPN yang dikhaskan untuk Bumiputera.

Selain itu, mereka mendakwa, LPN tidak membenarkan mereka membeli padi dari Perlis dan LPN sendiri menjadi saingan kepada pengilang-pengilang beras Cina berikutan tindakan LPN sering menambah kemampuan kilangnya.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang ditanya sama ada benar pengilang beras Cina mahu masalah itu diatasi menjelang pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Jerlun pada 19 Dis ini, beliau berkata: + Mereka (pengilang bet-as Cina) tak buat ugutan macam itu, cuma Pas sahaja yang kata mereka buat ugutan macam itu. +

Mengenai tindakan Pas menggunakan isu pengilang beras Cina itu sebagai modal kempen pilihan raya, Datuk Seri Dr Mahathir berkata masalah itu bukan masalah politik dan beliau mempersoalkan apa yang dapat dilakukan oleh Pas untuk menyelesaikan masalah pengilang-pengilang Cina itu.

Sementara itu, Encik Saw berkata, persatuan itu berpuas hati dengan jaminan Perdana Menteri bahawa kerajaan akan mengatasi masalah mereka.

Beliau berharap Menteri Besar, Tan Sri Haji Osman Aroff serta Pengerusi Perhubungan MCA Kedah, Datuk William Chek, dapat menghadiri perjumpaan dengan Datuk Seri Sanusi esnk dan menyelesaikan masalah itu pada perjumpaan itu.

Encik Saw menegaskan bahawa masalah itu tidak nienjejaskan sokongan persatuan itu terhadap Barisan Nasional.. -- Bernama

▼11/12/21-28MST